

TEKS HEBAHAN DI MASJID DAN SURAU

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN BANCİ EKONOMI 2026 MELALUI JABATAN
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DAN JABATAN AGAMA ISLAM
NEGERI (JAIN)**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan/Puan dan para jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Islam menuntut umatnya mengurus kehidupan dengan perancangan yang rapi, berasaskan maklumat yang tepat dan telus. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Banci Ekonomi 2026, yang dijalankan mulai Januari hingga Oktober 2026, merupakan satu usaha penting negara untuk mengumpulkan maklumat menyeluruh mengenai aktiviti ekonomi. Melalui banci ini, data berkaitan sektor perniagaan dan perusahaan akan diperoleh bagi membolehkan kerajaan merangka dasar serta perancangan pembangunan yang lebih tepat, saksama dan inklusif demi kemakmuran rakyat.

Kepentingan banci ini bukan sahaja untuk pembangunan ekonomi negara, malah bagi memastikan pengagihan sumber yang lebih adil, peningkatan peluang pekerjaan serta kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Oleh itu, kita semua diseru untuk memberikan kerjasama yang penuh dengan memberikan maklumat yang benar, tepat dan jujur. Sikap amanah dalam menyampaikan maklumat adalah tuntutan agama dan mencerminkan tanggungjawab kita sebagai warganegara.

Marilah kita bersama-sama menyokong pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 demi kesejahteraan ummah dan kemakmuran negara.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENGHARGAI JASA PAHLAWAN - MENSYUKURI NIKMAT KEAMANAN"

31 Julai 2026 / 16 Safar 1448

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya keikhlasan hati dalam beribadah menjadi ukuran kemuliaan dan ketakwaan seseorang insan. Bersempena Hari Pahlawan yang disambut setiap tahun pada 31 Julai, mimbar mengajak ummah menghayati khutbah bertajuk:

"MENGHARGAI JASA PAHLAWAN - MENSYUKURI NIKMAT KEAMANAN"

Firman Allah SWT:

﴿وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ
وَالْآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ...﴾³

Bermaksud: Dan buatlah persediaan untuk menentang mereka (musuh yang mencero) dengan segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan berkuda yang lengkap supaya dapat menggentarkan musuh Allah, musuh kamu dan musuh selain mereka yang tidak kamu ketahui sedangkan Allah mengetahuinya...
(Surah Al-Anfal ayat 60)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Negara memperkenalkan sambutan Hari Pahlawan pada setiap 31 Julai, mengambil sempena tamatnya darurat pada 31 Julai 1960; bertujuan memperingati dan menghargai khidmat bakti dan pengorbanan anggota pasukan pertahanan dan pasukan keselamatan.

Bersempena sambutan Hari Pahlawan, marilah kita menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas nikmat keamanan dan kemakmuran yang dikurniakan kepada negara kita. Keamanan yang kita nikmati pada hari ini, bukannya bulat datang bergolek, tidaklah pipih datang melayang; tetapi hasil daripada pengorbanan wira bangsa dan sateria negara, khususnya para anggota tentera dan polis yang bersedia mempertaruhkan nyawa demi mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Anggota Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia telah memperlihatkan semangat juang dan pengorbanan tinggi, berada di barisan hadapan, mempertahankan kedaulatan tanah air, meredah hutan, mengharungi lautan, mengawasi udara; meninggalkan anak, isteri dan keluarga demi melaksanakan tugas negara. Mereka merupakan wira bangsa – sateria negara, yang mengabadikan jiwa dan raga, sedia berkorban nyawa demi memastikan negara kekal berdaulat serta berada dalam keadaan aman dan selamat.

Jemaah yang dimuliakan

Ayat 60 surah Al-Anfal yang khatib bacakan, mengajar umat agar sentiasa bersedia mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara daripada sebarang ancaman. Islam meletakkan kedudukan yang tinggi kepada mereka yang berjuang mempertahankan kebenaran dan keselamatan masyarakat. Rasulullah SAW bersabda:

“Sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan hartanya, maka dia syahid; sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan keluarganya, maka dia syahid; sesiapa yang terbunuh mempertahankan agamanya, maka dia syahid; dan sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan darahnya (nyawanya), maka dia syahid” (Riwayat al-Tirmizi dan Abu Daud)

Hadis ini menunjukkan bahawa mempertahankan perkara yang benar dan menjaga keselamatan masyarakat ialah amal yang sangat mulia di sisi Allah SWT.

Hari Pahlawan bukan sekadar sambutan untuk mengenang sejarah, tetapi menjadi medan muhasabah agar kita menghargai nikmat keamanan. Tanggungjawab mempertahankan kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara tidak harus diserahkan sepenuhnya kepada anggota pertahanan dan keselamatan, malah menjadi kewajipan bersama seluruh rakyat juga, dengan meluhurkan Perlembagaan, mendaulatkan undang-undang, menolak fitnah, menolak pendirian agama yang melampau, menolak kata-kata hasutan berunsur perkauman, menolak perkataan yang mendorong kepada perselisihan kaum, dan menolak perbuatan yang menjejaskan perpaduan rakyat.

Sesungguhnya keamanan merupakan syarat untuk menjamin rakyat dapat hidup dalam keadaan selamat dan sejahtera, aman dan sentosa. Keamanan dan keselamatan ialah anugerah teragung dari Allah SWT untuk manusia. Firman Nya:

﴿الَّذِي أَطْعَمَهُم مِّنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُم مِّنْ خَوْفٍ ۝٤﴾

Bermaksud: "Tuhan yang memberi mereka penghidupan, menyelamatkan mereka daripada kelaparan dan mengamankan mereka daripada ketakutan."

(Surah Quraaisy ayat 4)

Fiqh Islam menyifatkan tanpa keamanan mustahil maqasid syariah dapat ditegakkan. Tanpa keamanan, manusia tidak berupaya menjalani kehidupan dalam keadaan sempurna. Khidmat cemerlang para anggota pasukan pertahanan dan keselamatan negara telah meletakkan negara berada dalam keadaan aman dan makmur, membolehkan kita berasa selamat dan selesa untuk beribadah, bekerja, berniaga dan mencari rezeki, belajar dan menuntut ilmu, bercuti dan melancong, begitu juga bergembira merayakan hari-hari perayaan. Tanpa pengorbanan tinggi para anggota pertahanan dan keselamatan, rakyat tidak mungkin menikmati keamanan. Oleh itu hargailah jasa mereka kerana Islam mengajar umatnya menghargai jasa dan pengorbanan orang lain. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَشْكُرِ النَّاسَ لَمْ يَشْكُرِ اللَّهَ

Bermaksud: "Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia (atas jasa dan kebbaikannya) maka dia tidak bersyukur kepada Allah" (Hadis Riwayat At-Tirmizi)

Menghargai pahlawan negara bukan sekadar mengenang sejarah mereka, tetapi turut mendoakan kesejahteraan mereka, membantu keluarga mereka, juga membantu meringankan beban tugas mereka dengan mengambil tanggungjawab menyemai dan mengamalkan semangat cintai negara.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada setiap anggota pasukan pertahanan dan keselamatan negara serta kepada semua yang terlibat mempertahankan kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara, baik yang masih berkhidmat, begitu juga yang telah bersara; dan menitip beberapa pesanan;

Pertama: Tugas anggota pasukan pertahanan dan keselamatan adalah tugas fardu kifayah yang murni; insya-Allah akan dilimpahi ganjaran dunia - ganjaran akhirat.

Kedua: Mendoakan agar wira bangsa dan sateria negara kita dikurniai ketabahan, cecal berbakti kepada nusa dan bangsa; juga mendoakan agar mereka sentiasa mendapat petunjuk dan perlindungan Ilahi ketika bertugas.

Ketiga: Berterima kasih kepada wira bangsa dan sateria negara dengan memberikan sokongan ketika mereka bertugas; dan menghulurkan bantuan selepas mereka bersara; demikian juga dihulurkan bantuan kepada anggota keluarga mereka, terutama para ibu bapa yang kehilangan anak, balu yang kehilangan suami, serta anak-anak yang menjadi yatim.

Keempat: Membantu meringankan tugas mereka untuk mengekalkan keamanan dengan memelihara perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, menyelesaikan perbezaan pandangan dengan hikmah dan kebijaksanaan, menolak fahaman melampau, menolak penyalahgunaan media sosial bagi tujuan menyebarkan fitnah dan kebencian, serta memupuk semangat cintakan tanah air.

Kelima: Mendidik generasi muda agar menghormati sejarah perjuangan negara serta mengisi kemerdekaan negara dengan ilmu, akhlak dan integriti.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالََنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا
وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Limpahi rahmat Mu kepada para anggota pasukan pertahanan dan keselamatan yang telah terkorban mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Tempatkan roh mereka bersama para syuhada. Kekalkan keamanan negara Malaysia serta kurniai kami sifat cintakan keamanan – cintakan negara.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu dan terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana, malapetaka, kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah. Satukan hati rakyat negara ini dengan semangat ukhuwah, perpaduan dan kasih sayang, serta jauhkan kami daripada perpecahan dan permusuhan.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.